



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM WEJANA KPWKM BANTU WANITA RAIH PENDAPATAN SECARA DALAM TALIAN

KOTA KINABALU, 26 SEPTEMBER – Program Penjanaan Pendapatan Wanita (**WeJana**) 2023 hari ini telah dirasmikan oleh YB Dato 'Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang merupakan program bimbingan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan dan memantapkan pengetahuan untuk menjalankan perniagaan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan WeJana yang dibangunkan khusus bagi membolehkan wanita menjana pendapatan dari rumah dengan waktu kerja yang fleksibel supaya mereka dapat kekal dalam pasaran buruh. Kemudahan teknologi terkini termasuk perkhidmatan kurier, platform jualan secara dalam talian (e-dagang), media sosial dan aplikasi menghantar mesej yang percuma telah membolehkan semua orang dapat menjalankan perniagaan dari rumah. Oleh itu, perniagaan dalam talian menjadi pilihan utama bagi golongan ini untuk menjana pendapatan selain menyara keluarga. Program **WeJana** membantu dari segi bimbingan, latihan dan pembiayaan kepada wanita yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan dari rumah.

Program yang melibatkan seramai 214 peserta dan seramai 30 peserta dari negeri Sabah ini akan membantu membina jaringan antara kumpulan sasaran Kementerian agar dapat saling menyokong antara satu sama lain. Program **WeJana** ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan telah berjaya

membantu meningkatkan pendapatan peserta **secara puratanya sebanyak RM1,000.00 sebulan.**

Peserta program ini dilatih berkaitan asas perancangan dan pengurusan kewangan. Para peserta juga akan turut diajar untuk meningkatkan pemasaran dalam talian dan mula menjana pendapatan melalui platform dalam talian tersebut serta mendidik untuk mewujudkan jenama perniagaan tersendiri. Peserta turut diberi pendedahan untuk memperkenalkan produk, membuat jualan dan memberikan perkhidmatan pelanggan melalui komunikasi yang berkesan.

Pelaksanaan program **WeJana** 2023 ini diharap akan dapat meningkatkan bilangan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh dengan memberi ruang dan peluang kepada suri rumah wanita untuk menjalankan perniagaan serta dapat menjana pendapatan untuk keluarga mereka.

Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan YBrs Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 SEPTEMBER 2023**